

Perluas

ilmu,

perkukuh

ekonomi:

Mahathir

BH 11 JUN 1994
(P)
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kekuatan ekonomi serta penguasaan semua bidang pengetahuan dan kemahiran moden perlu bagi memastikan Malaysia benar-benar menjadi sebuah negara bebas.

Menurut Perdana Menteri, kekerapan kerajaan memperkatakan mengenai pertumbuhan ekonomi bukan kerana taksud dengan materialisme atau tamakkan kekayaan dunia tetapi apa yang dimaksudkan ialah kekuatan dalam bidang pentadbiran, perniagaan dan perusahaan moden serta penguasaan ilmu yang luas.

"Umat Islam biasanya kurang kemampuan dalam mentadbirkan negara moden kerana rasuah kerap berlaku di samping tiada kualiti dan kecekapan mengurus.

"Sistem perundangan juga kurang tersusun. Masa tidak dihormati. Semua ini menghina orang Islam dan agama Islam," katanya dalam perutusan sempena Ma'al Hijrah 1415, esok.

Sambil menekankan pentingnya umat Islam menghayati falsafah di sebalik hijrah Rasulullah s.a.w. itu, Perdana Menteri mahu umat Islam lebih rajin bekerja, mempelajari ilmu, kecekapan tertentu dan mendedikasikan diri kepada agama, bangsa serta negara.

"Insya-Allah dengan ini kita akan dapat membangunkan umat Islam di Malaysia supaya tidak lagi ditindas atau ditekan oleh kuasa asing," katanya.

Dr Mahathir berkata,

LINAT MUKA 2

Perluas ilmu, perkukuh ekonomi: Mahathir

DARI MUKA 1

BH 11 JUN 1994

keadaan umat Islam yang lemah, berpecah belah dan asyik menentukan tempat di akhirat menyebabkan berjuta-juta umat Islam lain ditindas, disiksa dan dibunuh.

Menurutnya, mereka bukan saja tidak melaksanakan ibadah yang disuruh tetapi mencipta ibadah baru, memakai pakaian tertentu dan mengutamakan perkara remeh temeh yang hanya memecahbelahkan ummah.

Beliau berkata, terpegaruh dengan pemisahan di antara 'religious dan

sekular dalam agama lain, pemimpin Islam melarang penguasaan ilmu yang kononnya sekular walaupun ia diterokai dan dikembangkan oleh umat Islam sendiri.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu menyebabkan bukan saja pandangan umat Islam menjadi sempit tetapi juga mereka menjadi daif, lemah dan mudah dikuasai.

Bagaimanapun, katanya, orang Islam tidak segan menggunakan hasil ciptaan ilmu yang mereka haramkan bagi diri mere-

ka dan itu termasuklah kemudahan untuk pertahanan dan beribadat.

Menurutnya, kerana umat Islam bergantung kepada ilmu dan perusahaan milik orang lain, mereka tidak dapat menyelamatkan umat Islam yang ditindas jika tidak diizinkan oleh pembekal.

"Masanya sudah tiba untuk kita berterus terang mengenai ajaran yang sempit yang tidak sedikitpun menolong kita atau memelihara maruah agama kita. Pengetahuan dalam semua bidang ilmu

adalah penting untuk memelihara diri kita.

"Janganlah kita larang penguasaan ilmu ini. Sebaliknya kita hendaklah menggalakkan mudamudi Islam bertekun mempelajari ilmu ini di samping ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia tidak berusaha menjadi contoh kepada negara Islam tetapi hanya berusaha untuk umat Islam negara ini. Ramai umat Islam dan negara Islam lain mengiktiraf kedudukan negara.

"Kita tidak harus menjadi angkuh kerana pengiktirafan ini tetapi kita juga tidak harus menidakkan hasil pendekatan ini. Sebaliknya, kita harus mempertahankan pendekatan yang mengimbangi di antara dunia dan akhirat seperti yang disuruh oleh agama Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, matlamat Malaysia ialah untuk menjadi negara yang bebas kerana penjajahan tidak tamat hanya kerana rakyat dapat memerintah negara sendiri.